

4

Kewangan Sektor Awam

LAPORAN EKONOMI 2012/2013





Kewangan Sektor Awam

Tinjauan

Dasar fiskal menyokong pertumbuhan ekonomi

Bajet 2012 digubal semasa ekonomi dunia menghadapi pertumbuhan yang sederhana, kadar pengangguran yang tinggi, masalah hutang kawasan euro yang berlarutan, serta inflasi akibat harga komoditi yang semakin meningkat. Sebagai sebuah ekonomi yang berintegrasi dengan ekonomi global, Malaysia tidak terkecuali daripada kesan perkembangan persekitaran luar. Teras dasar fiskal bagi tahun 2012 adalah untuk meningkatkan daya tahan ekonomi domestik, menjana pertumbuhan dan menyokong inisiatif pembaharuan, di samping mengekalkan keamanan fiskal. Keutamaan diberikan kepada merencanakan pelaburan awam dan swasta, mempercepat program transformasi luar bandar, meningkatkan pembangunan modal insan di samping terus memperhebat penyampaian perkhidmatan sektor awam. Pelbagai langkah juga diambil untuk menambah baik kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan inflasi.

Sepanjang tahun ini, komitmen perbelanjaan baharu dan tambahan ditampung oleh kutipan hasil yang lebih tinggi. Perbelanjaan baharu dan tambahan ini berjumlah RM21.6 bilion, sebahagian besarnya adalah untuk subsidi minyak, penambahbaikan skim gaji dan bayaran bonus kepada kakitangan awam, bayaran pencen, perbelanjaan pilihan raya umum serta pemberian tunai kepada kumpulan sasar bagi mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Langkah untuk mengawal perbelanjaan turut dilaksanakan tanpa menjejaskan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan. Penempatan semula kakitangan, kerjasama antara agensi yang lebih erat untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif serta pengurangan dalam perbelanjaan

bukan kritikal akan terus dilakukan. Selain itu, pelaksanaan projek dipantau rapi bagi memastikan pelaksanaan mengikut jadual dan mengelakkan kos yang berlebihan.

Beberapa langkah telah dilaksanakan bagi menjamin keamanan kewangan awam dalam jangka panjang. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), yang merangkumi tahun 2011 ke 2015, *two-year rolling plan* (RP) telah diperkenalkan untuk memberikan fleksibiliti dalam pengurusan perbelanjaan selaras dengan sumber fiskal dan keutamaan dasar. Pengurusan nilai disyaratkan bagi projek pembangunan melebihi RM50 juta, manakala bajet berasaskan *outcome* akan diperkenalkan mulai tahun 2014 bagi meningkatkan kecekapan dan pulangan perbelanjaan. Kerajaan juga sedang meneliti cadangan yang dikemukakan di bawah *public expenditure review* untuk menilai mutu perbelanjaan. Akauntabiliti kewangan dan tadbir urus yang baik diinstitusikan melalui pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada ketua jabatan sementara cadangan penambahbaikan dari Jabatan Audit Negara dijadikan garis panduan dan peraturan. Bagi mengetahui dengan lebih baik nilai bersih Kerajaan, sistem perakaunan akruan dijangka dilaksanakan mulai tahun 2015. Perlaksanaan ini akan dijalankan seiring dengan perakaunan berasaskan tunai sedia ada. Tanggungan Kerajaan yang mempunyai impak fiskal jangka panjang juga sedang disemak semula termasuk pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan; liabiliti pencen; pengurusan dana pinjaman perumahan untuk kakitangan awam; dan tabung pinjaman pelajar institusi pengajian tinggi.

Berikutan pertumbuhan global yang perlahan dan permintaan luar yang lemah, terutamanya di negara maju, Kerajaan perlu mengimbangi antara menyokong dasar menggalakkan pertumbuhan



yang mengukuhkan aktiviti ekonomi domestik dengan meningkatkan daya saing meskipun amalan fiskal berhemat diteruskan. Konsolidasi fiskal akan dirancang dengan baik dengan mengambil kira keperluan domestik. Meskipun komitmen perbelanjaan lebih tinggi pada tahun 2012, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka mengecil kepada 4.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 4.8% pada tahun 2011. Perbelanjaan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 13.3% mencakupi 25.2% daripada KDNK (2011: 8.4%; 23.3%), memandangkan peranan penting yang dimainkan sektor ini bagi menyokong pertumbuhan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Kerajaan Persekutuan

Konsolidasi fiskal diteruskan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kekal tinggi pada RM252.4 bilion berikutan komitmen baharu dan tambahan. Walaupun pungutan hasil dijangka menggalakkan pada RM207.2 bilion, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah perbelanjaan berhemat dan yang memberi nilai untuk wang. Pulangan perbelanjaan

akan disasarkan dengan lebih baik, manakala jabatan Kerajaan dipertanggungjawabkan ke atas kualiti barangan dan perkhidmatan yang diperoleh. Di samping itu, Kerajaan juga akan memastikan kadar hutang tidak melebihi had berhemat.

Hasil

Kutipan hasil menggalakkan

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 11.8% kepada RM207.2 bilion atau 22.1% daripada KDNK (2011: 16.1%; RM185.4 bilion; 21%) berikutan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang terus kukuh. Kutipan hasil cukai dan hasil bukan cukai yang lebih tinggi disokong oleh harga minyak mentah yang kukuh, perbelanjaan penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan yang berdaya tahan serta pelbagai langkah pentadbiran yang diambil Kerajaan untuk memperluas asas hasil. Hasil cukai dijangka meningkat 13.1% kepada RM152.5 bilion, menyumbang 73.6% kepada jumlah hasil (2011: 23.2%; RM134.9 bilion; 72.7%). Pada tahun 2012, hasil cukai sebagai peratusan daripada KDNK dijangka lebih

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Hasil	185,419	207,246	208,650	16.1	11.8	0.7
Perbelanjaan mengurus	182,594	202,617	201,917	20.4	11.0	-0.3
Baki semasa	2,825	4,629	6,733			
Perbelanjaan pembangunan kasar	46,416	49,822	47,750	-12.1	7.3	-4.2
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,082	2,895	1,024			
Perbelanjaan pembangunan bersih	45,334	46,927	46,726	-11.6	3.5	-0.4
Baki keseluruhan	-42,509	-42,297	-39,993			
% daripada KDNK	-4.8	-4.5	-4.0			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2013.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.



tinggi pada 16.3%. Hasil bukan cukai dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih besar 8.3% kepada RM54.8 bilion (2011: 0.8%; RM50.5 bilion) berikutan pulangan pendapatan pelaburan yang baik.

Cukai langsung, mencakupi 56.4% daripada jumlah hasil, dijangka lebih tinggi pada RM116.8 bilion (2011: 55.1%; RM102.2 bilion). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan tinggi dalam cukai pendapatan petroleum (PITA), cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu. Hasil daripada cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat 15.5% kepada RM54.1 bilion (2011: 29.3%, RM46.9 bilion) disokong oleh pertumbuhan aktiviti ekonomi dalam negeri yang stabil. Kutipan cukai pendapatan individu dijangka berjumlah RM22.4 bilion, peningkatan sebanyak 11.1% berbanding tahun 2011 berikutan

kestabilan pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan serta semakan skim gaji kakitangan awam yang berkuat kuasa 1 Januari 2012 dijangka memberi kesan positif kepada kutipan hasil. Sementara itu, terimaan daripada PITA meningkat dengan ketara kepada RM32 bilion berikutan peningkatan jumlah pengeluaran dan harga minyak mentah Tapis yang kukuh. Purata harga minyak mentah Tapis dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini ialah USD120.53 setong dan didagangkan pada USD119.04 setong pada 18 September 2012 (2011: USD118.54 setong). Faktor lain yang dijangka menyumbang kepada peningkatan dalam terimaan PITA termasuk perubahan tahun kewangan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) kepada tahun kalendar mulai tahun 2012 serta perubahan kaedah pengiraan PITA berkuat kuasa 1 Januari 2010.

JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Hasil cukai	134,885	152,493	159,154	23.2	13.1	4.4	72.7	73.6	76.3
Cukai langsung antaranya:	102,242	116,825	121,953	29.4	14.3	4.4	55.1	56.4	58.4
Syarikat	46,888	54,136	57,674	29.3	15.5	6.5	25.3	26.1	27.6
PITA ³	27,748	31,962	30,507	48.3	15.2	-4.6	15.0	15.4	14.6
Individu	20,203	22,445	24,568	13.5	11.1	9.5	10.9	10.8	11.8
Cukai tidak langsung antaranya:	32,643	35,668	37,200	7.0	9.3	4.3	17.6	17.2	17.8
Duti eksais	11,517	12,338	12,782	-2.1	7.1	3.6	6.2	6.0	6.1
Cukai jualan	8,577	9,185	9,645	5.0	7.1	5.0	4.6	4.4	4.6
Hasil bukan cukai antaranya:	50,534	54,753	49,496	0.8	8.3	-9.6	27.3	26.4	23.7
Lesen dan permit	11,190	11,820	11,370	8.3	5.6	-3.8	6.0	5.7	5.4
Pendapatan pelaburan	34,005	36,967	31,274	-1.6	8.7	-15.4	18.3	17.8	15.0
Jumlah hasil	185,419	207,246	208,650	16.1	11.8	0.7	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	21.0	22.1	20.8						


¹ Anggaran disemak.

² Anggaran bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2013.

³ Cukai pendapatan petroleum.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

CARTA 4.1

Hasil Kerajaan Persekutuan


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Di samping itu, cukai langsung lain seperti duti setem (RM5.6 bilion), cukai pegangan (RM1.8 bilion) dan cukai pendapatan koperasi (RM323 juta) dijangka meningkat selaras dengan kerancangan urus niaga perniagaan dan aktiviti ekonomi lain yang berdaya tahan. Selain itu, pendapatan tambahan sebanyak RM546 juta dijangkakan daripada semakin kenaikan kadar duti atas keuntungan harta (RPGT) berkuat kuasa 1 Januari 2012 (2011: RM509 juta).

Penyumbang terbesar kepada hasil cukai adalah industri minyak dan gas, diikuti perdagangan borong dan runcit, pengantara kewangan dan harta tanah serta sektor pembuatan. Pada akhir Jun 2012, bilangan pembayar cukai berdaftar berjumlah 7 juta dengan 6.4 juta (92.5%) daripadanya merupakan pembayar cukai individu, 508,150 (7.3%) syarikat, manakala selebihnya merangkumi koperasi, persatuan dan pelbagai badan amanah. Daripada jumlah pembayar cukai tersebut, borang yang dikenakan cukai merangkumi 1.8 juta individu dan 107,043 syarikat. Sejak ia diperkenalkan pada tahun 2006, sistem e-Filing telah menerima sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pembayar

cukai kerana kebolehppercayaan, kerahsiaan dan mesra pengguna. Bayaran balik cukai yang cepat, kesilapan yang minimum dalam pengiraan cukai serta penggunaan telefon pintar untuk menfaikan cukai (m-Filing) telah menyumbang ke arah migrasi kepada e-Filing serta menarik pembayar cukai baharu ke dalam jaringan cukai. Pada akhir Julai 2012, lebih daripada 2.5 juta atau 73% pembayar cukai mengemukakan borang cukai mereka melalui e-Filing, peningkatan 20% berbanding tahun 2011. Pada masa yang sama, pembayaran cukai melalui e-pembayaran telah meningkat 20% dari hanya 154,441 urus niaga pada tahun 2011 kepada 185,715 pada akhir Jun 2012.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terus meningkatkan pematuhan cukai dan kutipan hasil melalui peningkatan produktiviti dalam pentadbiran cukai, audit, penguatkuasaan dan penyiasatan. Satu pasukan petugas yang dianggotai oleh LHDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dan diketuai oleh Jabatan Peguam Negara telah dibentuk bagi menyiasat aktiviti pengelakan cukai, pengisytiharan duti kastam di bawah nilai dan



pengubahan wang haram. Di samping itu, langkah memperluas asas cukai dioptimumkan dengan meluaskan penggunaan teknologi maklumat (IT), mengurangkan beban pengawalseliaan dan kerenah birokrasi serta meningkatkan kesedaran melalui pendidikan cukai. Tumpuan juga diberikan untuk menambahbaik pengurusan cukai, penyampaian perkhidmatan dan penggunaan sumber serta meningkatkan kemahiran tenaga kerja secara berterusan.

Terimaan daripada **cukai tidak langsung** dijangka meningkat 9.3% kepada RM35.7 bilion, menyumbang 17.2% kepada jumlah hasil (2011: 7%; RM32.6 bilion; 17.6%). Peningkatan ini disokong oleh sektor pembuatan dan aktiviti perniagaan domestik yang mapan serta perbelanjaan isi rumah yang kukuh. Terimaan daripada duti eksais ke atas barangan import dan buatan tempatan yang merupakan komponen terbesar cukai tidak langsung dijangka meningkat 7.1% kepada RM12.3 bilion (2011: -2.1%; RM11.5 bilion) disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap kenderaan bermotor (termasuk kenderaan komersial), rokok dan minuman beralkohol. Permintaan untuk model baharu kenderaan bermotor dijangka tidak terjejas oleh garis panduan pembiayaan bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh BNM lewat tahun 2011 disebabkan keadaan pasaran buruh dan sentimen pengguna yang positif.

Terimaan daripada cukai jualan dan cukai perkhidmatan dijangka meningkat kepada RM9.2 bilion dan RM6.2 bilion (2011: RM8.6 bilion; RM5 bilion) disebabkan penggunaan swasta dan aktiviti perniagaan yang kukuh. Walaupun harga komoditi menurun, perbelanjaan penggunaan dalam kalangan pekebun kecil dijangka tetap kukuh, disokong oleh pemberian tunai dan baucar oleh Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta kanak-kanak sekolah. Di samping itu, perbelanjaan penggunaan swasta juga akan dirangsang oleh bayaran RM15,000 kepada lebih daripada 112,600 peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di seluruh negara.

Hasil daripada duti eksport dijangka kekal stabil pada RM2.4 bilion (2011: RM2.1 bilion) berikutan harga minyak mentah Tapis yang kekal tinggi. Petroleum merupakan komponen terbesar duti eksport. Penerimaan daripada duti import juga akan kekal stabil pada RM2.2 bilion selaras dengan komitmen berterusan Malaysia dalam liberalisasi tarif di bawah perjanjian serantau dan dua hala. Sebaliknya, pungutan levi ke atas minyak sawit mentah (CPO), kenderaan barangan dan elektrik dijangka merosot 30.2% kepada RM642 juta (2011: 108.9%; RM919 juta) disebabkan penurunan harga CPO yang merupakan komponen utama. Paras had harga pengenaan levi adalah RM2,500 setan metrik di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan metrik di Sabah dan Sarawak. Harga purata CPO pada lapan bulan pertama 2012 ialah RM3,145 setan metrik dan harga pada 18 September 2012 ialah RM2,666 setan metrik (2011: RM3,274 setan metrik).

Hasil bukan cukai mencakupi 26.4% daripada jumlah hasil, dijangka meningkat 8.3% kepada RM54.8 bilion (2011: 27.3%; 0.8%; RM50.5 bilion). Pendapatan pelaburan yang merupakan komponen terbesar hasil bukan cukai dijangka meningkat 8.7% kepada RM37 bilion (2011: -1.6%; RM34 bilion) sejajar dengan keuntungan korporat yang berterusan di dalam dan luar negeri. Terimaan dividen daripada BNM kekal stabil pada RM2 bilion. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dijangka menyumbang dividen sebanyak RM3 bilion termasuk dividen khas sebanyak RM2.5 bilion daripada aktiviti pelupusan strategik saham. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan minyak secara beransur, dividen yang lebih rendah dijangka diterima daripada PETRONAS berjumlah RM28 bilion (2011: RM30 bilion). Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira mekanisme perkongsian kos bahan api antara Kerajaan, PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), dividen pada tahun 2012 akan menurun kepada RM26.3 bilion.

Kutipan hasil daripada lesen, fi pendaftaran dan permit dijangka meningkat 5.6% kepada RM11.8 bilion disumbangkan terutamanya oleh royalti petroleum (RM5.6 bilion) dan lesen



kenderaan bermotor (RM2.2 bilion). Hasil bukan cukai yang lain termasuk hasil kutipan daripada pengeluaran minyak dan gas di bawah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) (RM1.5 bilion) serta denda dan penalti berjumlah RM1.0 bilion (2011: RM1.4 bilion; RM1.2 bilion). Pendapatan tambahan bagi tahun 2012 dijangka diterima daripada pengewangan aset Kerajaan sebanyak RM500 juta. Tambahan hasil ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta yang lebih rancak dalam ekonomi, mengoptimalkan nilai aset awam melalui jualan, pajakan atau pembangunan secara usaha sama serta meningkatkan apungan bebas di Bursa Malaysia. Terimaan bukan hasil, termasuk pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi Kerajaan serta hasil dari Wilayah Persekutuan dijangka lebih tinggi pada RM1.4 bilion (2011: RM1.1 bilion). Hasil daripada Wilayah Persekutuan termasuk premium dan cukai tanah serta kutipan dari pelbagai bayaran lesen, fi pendaftaran, permit, sewa dan fi perkhidmatan.

Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus lebih tinggi

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM252.4 bilion, peningkatan 10.2% berbanding tahun 2011 berikutan pertambahan permintaan ke atas sumber fiskal. Daripada jumlah ini, RM202.6 bilion atau 80.3% diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus, manakala baki sebanyak RM49.8 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 11% kepada RM202.6 bilion (2011: 20.4%: RM182.6 bilion) sejajar dengan komitmen baharu dan tambahan yang dijalankan sepanjang tahun. Peruntukan ini juga termasuk perbelanjaan bagi menampung inisiatif pembaharuan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (RM963 juta), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) (RM564 juta) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) (RM80 juta). Perbelanjaan bagi **emolumen**, komponen terbesar mencakupi 29.2% daripada

perbelanjaan mengurus, dijangka melonjak 18% kepada RM59.2 bilion (2011: 27.5%; 7.5%; RM50.1 bilion). Peningkatan ini disebabkan peruntukan bagi menampung penambahbaikan skim gaji kakitangan awam antara 7% hingga 13% berkuat kuasa 1 Januari 2012 (RM3.3 bilion); pelarasan kos sara hidup antara RM150 hingga RM300 bergantung kepada lokasi (RM379 juta) dan semakan kenaikan gaji tahunan antara RM80 hingga RM320 mengikut gred. Di samping itu, bonus setengah bulan dengan bayaran minimum sebanyak RM500 (RM1.9 bilion) telah diberikan kepada 1.27 juta kakitangan awam. Satu skim baharu kenaikan pangkat secara *time-based* juga telah diperkenalkan bagi profesion perguruan berkuat kuasa Mei 2012 untuk mengiktiraf peranan penting guru dalam memupuk dan membentuk generasi rakyat Malaysia akan datang. Pelaksanaan ini yang melibatkan lebih daripada 77,400 guru di sekolah rendah dan menengah menelan belanja sebanyak RM1.1 bilion pada tahun 2012.

Menyedari perbelanjaan emolumen yang semakin meningkat dan keperluan memanfaatkan kepakaran dalam perkhidmatan awam, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk memupuk kerjasama antara agensi bagi mengoptimumkan pengagihan sumber. Program Rondaan 1Malaysia telah dilancarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada Oktober 2011 untuk menggalakkan interaksi lebih erat antara agensi penguatkuasaan dan masyarakat setempat melalui rondaan bersama untuk memerangi jenayah di kawasan perumahan. Kerjasama ini juga melengkap inisiatif Rukun Tetangga dengan penglibatan masyarakat setempat menjaga keselamatan kawasan kejiranan. Rondaan bersama yang terdiri daripada pasukan polis, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dijalankan untuk memerangi jenayah jalanan di kawasan perumahan. Sekolah di kawasan Lembah Klang termasuk sekolah antarabangsa juga telah mendapat manfaat daripada program rondaan bersama ini yang bertujuan meningkatkan kehadiran polis untuk membendung jenayah. Polis dan JKDM juga bekerjasama dalam memerangi aktiviti penyeludupan merentasi sempadan di



pelbagai pintu masuk melalui laut, udara dan darat. Agensi Kerajaan ini turut berkongsi maklumat dan sumber untuk pencegahan jenayah yang berkesan.

Perbelanjaan **subsidi** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 17% kepada RM42.4 bilion atau 4.5% daripada KDNK (2011: 56.9%; RM36.3 bilion; 4.1%) disebabkan oleh peruntukan subsidi bahan api yang lebih tinggi. Kategori subsidi yang terdiri daripada pelbagai subsidi (RM31.5 bilion), program bantuan sosial (RM10 bilion) dan insentif (RM854 juta) secara keseluruhan merangkumi 20.9% daripada perbelanjaan mengurus. Subsidi yang diberikan termasuk subsidi bahan api, gula, minyak masak dan pelbagai insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan program kebajikan sosial untuk meningkatkan mobiliti sosio-ekonomi rakyat.

Peruntukan subsidi bahan api yang merupakan komponen terbesar dalam kategori subsidi dijangka meningkat 23.5% kepada RM25.2 bilion (2011:

112.1%; RM20.4 bilion) berikutan harga petroleum bertapis yang lebih tinggi serta pemberian wang tunai secara *one-off* dan baucar yang dibayar kepada pelbagai kumpulan sasar untuk meringankan kos sara hidup. Sebagai penanda aras, harga produk petroleum bertapis berpurata USD126.17 setong dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini (2011: USD124.57 setong). Sebahagian daripada pendekatan berfasa ke arah mengurangkan beban fiskal Kerajaan, harga petrol gred premium, RON97 telah diapungkan secara terurus dan dijual pada harga RM3.00 seliter semenjak 6 September 2012. Pengguna RON97 tidak menerima subsidi dan harga di pam telah diselaraskan beberapa kali sepanjang tahun untuk mencerminkan pergerakan harga antarabangsa.

Rasionalisasi subsidi ke atas petrol yang digunakan secara meluas iaitu RON95 telah ditangguhkan sementara semenjak Disember 2010 setelah mengambilkira kesan tekanan inflasi kepada rakyat. Harga di pam RON95

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Emolumen	50,148	59,197	58,621	7.5	18.0	-1.0	27.5	29.2	29.0
Bayaran khidmat hutang	17,716	20,453	22,245	13.4	15.4	8.8	9.7	10.1	11.0
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	5,535	5,846	6,276	18.0	5.6	7.3	3.0	2.9	3.1
Pencen dan ganjaran	13,565	14,188	13,597	17.8	4.6	-4.2	7.4	7.0	6.7
Bekalan dan perkhidmatan	28,949	31,960	33,659	21.4	10.4	5.3	15.9	15.8	16.7
Subsidi	36,256	42,404	37,612	56.9	17.0	-11.3	19.9	20.9	18.6
Pemberian kepada badan berkanun ³	13,772	15,054	14,041	11.0	9.3	-6.7	7.5	7.4	7.0
Bayaran balik dan hapus kira	1,009	1,362	1,109	67.8	35.0	-18.6	0.6	0.7	0.5
Lain-lain	15,645	12,153	14,758	18.6	-22.3	21.4	8.6	6.0	7.3
Jumlah	182,594	202,617	201,917	20.4	11.0	-0.3	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	20.7	21.6	20.2						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran bajet, tidak mengambil kira langkah Bajet 2013.

³ Termasuk emolumen.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



kekal pada RM1.90 seliter, antara yang termurah di rantau ini. Aktiviti penguatkuasaan telah dipertingkatkan untuk membendung jualan haram dan aktiviti penyeludupan. Stesen minyak di kawasan sempadan dikehendaki menutup operasi pada jam 10 malam untuk mengurangkan penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi merentasi sempadan. Penjualan diesel bagi stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari pintu sempadan negara adalah terhad kepada 20 liter setiap kenderaan. Selanjutnya, warga asing hanya dibenarkan membeli RON97, manakala rakyat Malaysia yang menggunakan kenderaan berpendaftaran asing juga dilarang daripada membeli RON95 dan gas asli (NGV).

Di bawah Bajet 2012, pemberian wang tunai, insentif tunai dan baucar buku secara *one-off* telah diberi kepada golongan sasaran untuk membantu mereka menghadapi peningkatan kos sara hidup. Program bantuan khas kewangan tersebut telah melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.2 bilion dan telah diperuntukkan di bawah subsidi bahan api. Beberapa langkah terus dilaksanakan bagi membendung tekanan harga. Antaranya termasuk pemberian subsidi minyak masak (RM1.5 bilion), kadar tol (RM769 juta), tepung gandum (RM150 juta), perkhidmatan rel dan udara luar bandar yang komprehensif (RM195 juta) serta rebat bagi isi rumah dengan bil penggunaan elektrik kurang daripada RM20 sebulan (RM150 juta). Subsidi bagi perbezaan kadar faedah berjumlah RM1.5 bilion

Program Bantuan Tunai

- Dalam konteks sistem perlindungan sosial, pemberian tunai digunakan oleh kerajaan sebagai instrumen intervensi di pelbagai bidang termasuk perkhidmatan sosial, keselamatan makanan dan program pengurangan kemiskinan. Pembuat dasar di seluruh dunia sering mempertimbangkan pelbagai jenis pindahan tunai dalam merangka kerangka perlindungan sosial masing-masing.
- Perbandingan antara negara menunjukkan pengalaman yang berbeza dalam melaksanakan pindahan tunai. Negara seperti Argentina, Iran dan Indonesia menggunakan pindahan tunai bagi mengagihkan semula penjimatan daripada penarikan subsidi tenaga kepada golongan miskin dan berikutan itu membantu mereka menangani kesan kenaikan harga akibat pengurangan subsidi. Sebaliknya, negara seperti Filipina menyediakan geran tunai kepada isi rumah termiskin bagi membantu meringankan beban perbelanjaan kesihatan, pemakanan berkhasiat dan pelajaran anak-anak mereka, sementara Singapura menggunakan pemberian tunai bagi membantu golongan berpendapatan rendah menangani kos yang lebih tinggi akibat Cukai Barangan dan Perkhidmatan.
- Di Malaysia, Bajet 2012 telah memperkenalkan beberapa program bantuan tunai bagi meringankan kos kehidupan rakyat. Untuk tujuan ini, sejumlah RM5 bilion telah diperuntukkan kepada empat program bantuan tunai seperti berikut:
 - (1) Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 kepada setiap isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 atau kurang;
 - (2) Baucar buku bernilai RM200 kepada pelajar warganegara Malaysia di tingkatan enam, matrikulasi dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta swasta;
 - (3) Bantuan sebanyak RM100 seorang kepada semua pelajar darjah satu hingga tingkatan lima; dan
 - (4) Insentif tunai sebanyak RM3,000 seorang kepada bekas anggota polis khas dan polis tambahan serta balu mereka, bekas kakitangan kontrak Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan juga Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).
- Program bantuan tunai ini telah diterima baik oleh rakyat dan dapat membantu meringankan beban penerima bantuan tunai.



disediakan, antara lain bagi pinjaman pelajar di institusi pengajian tinggi, skim kredit mikro dan mempertingkatkan pengangkutan awam di kawasan bandar dan luar bandar. Akses kepada pembiayaan juga dipermudahkan untuk memperhebat dan menggalakkan aktiviti perniagaan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Subsidi kadar faedah yang diberikan kepada PKS meliputi pembiayaan bagi menampung operasi harian; menghadapi kecemasan serta untuk program pemulihan, pengkomersilan dan inovasi.

Keutamaan akan terus diberikan kepada inisiatif untuk mencapai pengeluaran makanan yang mencukupi dan meningkatkan produktiviti dalam sektor makanan serta menstabilkan harga barangan makanan keperluan asas. Sejumlah RM2.3 bilion akan dibelanjakan untuk subsidi (RM1.5 bilion) dan insentif (RM854 juta) bagi membantu petani, nelayan dan penternak melaksanakan program peningkatan pengeluaran makanan. Antara program yang dijalankan termasuk pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi serta insentif untuk meningkatkan hasil padi. Nelayan, pemilik bot dan pekerja juga diberi insentif kewangan untuk meningkatkan pendaratan ikan.

Pada tahun 2012, program bantuan sosial diperuntukkan RM10 bilion. Daripada jumlah ini, RM6.8 bilion diperuntukkan bagi biasiswa di semua peringkat pendidikan dan program bantuan pendidikan. Program ini termasuk program pemakanan berkhasiat dan bantuan untuk menampung kos pengangkutan pelajar sekolah dan prasekolah serta sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) (RM200 juta). Biasiswa dan bantuan kewangan berjumlah RM4.6 bilion juga disediakan kepada penuntut di IPTA; pelatih di pusat latihan kemahiran; dan membiayai pembangunan kerjaya profesional dalam perkhidmatan awam.

Komponen kedua program bantuan sosial merangkumi pelbagai bantuan kewangan termasuk program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) untuk meningkatkan kualiti hidup golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya dan golongan mudah terjejas (RM2.9 bilion). Jumlah ini termasuk RM325 juta yang diperuntukkan

di bawah NKRA bagi isi rumah berpendapatan rendah bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Kerajaan juga menyediakan bantuan (RM39 juta) untuk menggalakkan pertumbuhan yang menyeluruh dalam kalangan orang Asli. Bantuan yang diberikan termasuk input pertanian untuk meningkatkan pendapatan ladang, program pemakanan berkhasiat, pendidikan dan kebajikan serta biasiswa melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 15.8% daripada perbelanjaan mengurus dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 10.4% kepada RM32 bilion (2011: 15.9%; 21.4%; RM28.9 bilion) sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi serta selaras dengan langkah pentadbiran untuk membendung perbelanjaan boleh dikawal walaupun ekspektasi semakin tinggi untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan. Perbelanjaan utama termasuk bayaran perkhidmatan profesional dan teknikal; pembaikan dan penyelenggaraan; bekalan dan sewaan. Komponen lain termasuk bayaran perhubungan dan utiliti; perjalanan serta makanan dan minuman.

Bayaran khidmat hutang yang merupakan perbelanjaan tanggungan mesti dibayar sebelum semua perbelanjaan lain. Pada tahun 2012, bayaran khidmat hutang dijangka meningkat 15.4% kepada RM20.5 bilion walaupun kekal terurus pada 10.1% daripada perbelanjaan mengurus (2011: 13.4%; RM17.7 bilion; 9.7%). Meskipun paras hutang telah meningkat, ia masih di bawah had berhemat 55% daripada KDNK, satu peraturan fiskal yang dipatuhi oleh Kerajaan.

Pemberian kepada badan berkanun terutamanya bagi membiayai emolumen serta bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat 9.3% kepada RM15.1 bilion (2011: 11%; RM13.8 bilion). 21 IPTA, tiga hospital pengajar, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LHDN merangkumi sebahagian besar daripada perbelanjaan sebanyak RM12.1 bilion atau 6% daripada jumlah pemberian. Sementara itu, sejumlah RM14.2 bilion diperuntukkan untuk pembayaran **pencen dan ganjaran**. Merangkumi 7% daripada perbelanjaan mengurus, jumlah ini termasuk pelarasan bayaran pencen berikutan



skim gaji yang lebih baik yang diumumkan pada Mac 2012 serta bantuan tunai khas RM500 yang dibayar kepada 657,000 pesara pada Ogos 2012. **Geran dan pindahan kepada kerajaan negeri** meningkat kepada RM5.8 bilion, manakala perbelanjaan **perolehan aset** mencatatkan penguncupan ketara sebanyak 56.7% kepada RM1.2 bilion (2011: RM5.5 bilion, +42.6%; RM2.7 bilion) selaras dengan perbelanjaan berhemat.

Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat 7.3% kepada RM49.8 bilion pada tahun 2012. Jumlah ini termasuk perbelanjaan untuk projek dan program lain di bawah RP serta inisiatif transformasi di bawah bidang NKRA (RM6.4 bilion), NKEA (RM3.5 bilion) dan SRI (RM42 juta). Tahun 2012 merupakan tahun pertama bagi RP kedua (RP2) yang berlangsung sehingga tahun 2013. Sejumlah RM479 juta disediakan bagi pembayaran

akhir 112 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Selain itu, RM2.5 bilion disediakan di bawah Dana Fasilitasi Perkongsian Awam-Swasta (PPP).

Pada masa ini, lebih daripada 5,000 projek dan program sedang dilaksanakan termasuk 447 projek di bawah RP2. Penekanan diberikan kepada inisiatif di bawah sektor sosial dan ekonomi. Daripada jumlah ini, 86% adalah projek fizikal, manakala selebihnya meliputi pelbagai program, dana dan geran bagi tujuan strategik, kajian kemungkinan, pembangunan modal insan dan teknologi maklumat (IT).

Sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi, **sektor perkhidmatan ekonomi** dianggar membelanjakan RM30.4 bilion atau 60.9% daripada keseluruhan peruntukan

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Perkhidmatan ekonomi	28,156	30,362	30,041	7.8	7.8	-1.1	60.7	60.9	62.9
antaranya:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,128	1,901	3,297	-61.4	68.6	73.4	2.4	3.8	6.9
Perdagangan dan perindustrian	8,364	5,491	7,579	19.7	-34.3	38.0	18.0	11.0	15.9
Pengangkutan	10,140	10,073	9,416	17.0	-0.7	-6.5	21.8	20.2	19.7
Perkhidmatan sosial	12,607	13,643	11,113	-39.3	8.2	-18.5	27.2	27.4	23.3
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	7,735	8,557	6,491	-35.8	10.6	-24.1	16.7	17.2	13.6
Kesihatan	2,207	1,948	1,919	-41.6	-11.7	-1.5	4.8	3.9	4.0
Perumahan	762	738	643	-42.9	-3.2	-12.8	1.6	1.5	1.3
Keselamatan	4,569	4,394	4,592	15.1	-3.8	4.5	9.8	8.8	9.6
Pentadbiran am	1,085	1,424	2,005	-43.4	31.2	40.8	2.3	2.9	4.2
Jumlah	46,416	49,822	47,750	-12.1	7.3	-4.2	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	5.3	5.3	4.8						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran bajet.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 (2011: RM28.2 bilion; 60.7%). Daripada jumlah ini, *pengangkutan* kekal sebagai subsektor terbesar berjumlah RM10.1 bilion atau meliputi 20.2% (2011: RM10.1 bilion; 21.8%) bagi membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan dan jambatan termasuk di kawasan luar bandar, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti. Projek jalan raya utama yang sedang dalam pelaksanaan termasuk pembinaan Lebuh raya Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabor ke Kuala Terengganu, pelebaran jalan persekutuan *Central Spine* sedia ada di antara Kota Bharu, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang dan kerja naik taraf jalan raya dari Sapulut ke Kalabakan, Sabah. Projek landasan kereta api dalam pembinaan termasuk projek landasan elektrik berkembar Ipoh – Padang Besar, Seremban – Gemas dan Gemas – Johor Bahru.

Projek pembangunan lain termasuk kerja penaiktarafan dan pembesaran lapangan terbang Sibul serta penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan di pelabuhan seluruh negara. Sementara itu, pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya di luar bandar dan kampung akan dipercepatkan dengan peruntukan RM1.8 bilion bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Peruntukan sebanyak RM1 bilion disediakan untuk NKRA pengangkutan awam bandar bertujuan untuk menyediakan infrastruktur pengangkutan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar. Projek yang dijadualkan bagi tahun 2012 termasuk membaik pulih dan membeli *electric multiple units* (EMU) untuk Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), meningkatkan kemudahan di stesen komuter KTM dan transit aliran ringan (LRT), menambah baik perkhidmatan sistem bas, menyediakan lorong bas serta kemudahan *park-and-ride*. Langkah juga diambil untuk memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkatkan keselamatan awam. Selain itu, projek MY Rapid Transit (MRT) telah rancak dilaksanakan dari kerja persediaan ke fasa pembinaan secara aktif dengan fasa pertama dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka siap menjelang akhir Disember 2016, dan laluan penuh ke Kajang beroperasi mulai Julai 2017.

Subsektor tenaga dan kemudahan awam serta *subsektor perhubungan* diperuntukkan RM6.4 bilion daripada jumlah perbelanjaan pembangunan 2012 (2011: RM6.9 bilion). Bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar, penekanan akan diberikan kepada penyediaan kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik tanpa gangguan, kemudahan telekomunikasi serta perkhidmatan pembedung di kawasan luar bandar. Peruntukan ini juga meliputi projek untuk penambahbaikan infrastruktur asas luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Akses kepada kemudahan awam juga akan diperluas dan dipertingkatkan di kawasan ladang dan bandar di seluruh negara. Projek lain dalam subsektor termasuk mempercepatkan pelaksanaan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di kawasan bandar dan wilayah koridor, pembinaan kemudahan rawatan air, penambahbaikan saliran di bandar dan pengurangan air tidak berhasil. Dana juga disediakan untuk penuaian air hujan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta penambahbaikan perkhidmatan Pusat Panggilan Kecemasan (999).

Perbelanjaan untuk *subsektor perdagangan dan perindustrian* dijangka berjumlah RM5.5 bilion atau 11% daripada perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 (2011: RM8.4 bilion; 18%). Sejumlah besar peruntukan disediakan untuk membina kapasiti dan keupayaan serta menggalakkan inovasi dan keusahawanan dalam industri. Usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk menggalakkan pelaburan berkualiti dalam industri pembuatan, perkhidmatan, industri berasaskan kreativiti dan pengetahuan yang bernilai tambah dan *high-end* serta menggalakkan diaspora Malaysia dan usahawan tempatan melabur dalam negara. Dana akan diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian bagi menarik pelaburan baharu. Selain itu, akses kepada bantuan kewangan bagi pengambilalihan dan pengkomersialan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan disediakan.

PKS mempunyai potensi besar untuk menjadi enjin pertumbuhan dan inovasi berikutan PKS menyumbang 99% daripada jumlah perniagaan berdaftar, menyediakan peluang pekerjaan



kepada 59% daripada jumlah tenaga pekerja dan menyumbang kira-kira 32% kepada KDNK. Bagi membangunkan dan meningkatkan daya saing PKS, sejumlah RM77 juta disediakan, mencerminkan kepentingan PKS di dalam ekonomi. Pelan Induk PKS 2012-2020 telah merangka beberapa program untuk membolehkan PKS dan perusahaan mikro menjadi usahawan tempatan berjaya dan menyumbang 41% kepada KDNK menjelang tahun 2020. Sementara itu, SME Corp Malaysia sebagai agensi penyelaras, akan diperkukuh untuk memacu Pelan Induk.

Inisiatif lain dalam subsektor ini termasuk projek pembangunan koridor dan wilayah; pembiayaan pelaburan strategik; pembangunan dan penjenamaan produk halal; dan projek di bawah NKEA Elektrik & Elektronik (E & E). Kerajaan juga akan menyokong pembangunan industri minyak dan gas di Tanjung Agas dan Kawasan Perindustrian Maritim di Pekan, Pahang. Di samping itu, RM150 juta akan dibelanjakan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan sedia ada.

Pada tahun 2012, perbelanjaan pembangunan lima koridor pertumbuhan dijangka berjumlah RM978 juta untuk pembinaan jalan, penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam, pembangunan kawasan perumahan dan pelancongan, skim agropolitan, taman industri, projek bekalan dan loji rawatan air. Lebuhraya pesisir pantai Johor Bahru – Nusajaya, Johor yang baharu disiapkan memudahkan akses ke Iskandar Malaysia, seterusnya mengurangkan kos perniagaan. Inisiatif utama yang sedang dijalankan termasuk penaiktarafan infrastruktur fizikal di kawasan pihak berkuasa pembangunan wilayah di Pantai Timur, jalan di Labuk, Sabah, infrastruktur di Kulim Hi-Tech Park, Kedah; penyambungan kemudahan projek bekalan air di Samalaju, Sarawak; serta pembangunan projek pelancongan warisan di Taiping, Perak dan projek kluster industri minyak sawit di Lahad Datu, Sabah.

Sementara itu, *subsektor kewangan* diperuntukkan RM2.8 bilion dengan Dana Fasilitasi PPP diperuntukkan jumlah terbesar sebanyak RM2.5 bilion. Pendekatan PPP yang telah digunakan terutamanya dalam pembinaan jalan bertol, stesen janakuasa, pelabuhan, lapangan terbang dan pengangkutan bandar akan diperluaskan kepada projek infrastruktur sosial seperti kesihatan dan pendidikan. Dana yang diperuntukkan di bawah inisiatif PPP merupakan *tipping point* ke arah memastikan projek yang diterajui sektor swasta berdaya maju, bernilai strategik dan mempunyai kesan pengganda yang ketara.

Kemudahan berkaitan pelancongan akan dinaiktaraf, sementara dana akan disediakan bagi memperkukuh dan mempromosikan produk pelancongan khusus dan sedia ada seperti pelancongan seni, warisan, agro, pendidikan, spa dan sukan serta ekopelancongan (RM363 juta). Pengkorporatan Malaysia Healthcare Travel Council pada Oktober tahun 2011 akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang utama. Selain itu, dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM420 juta, pembangunan semula Pulau Langkawi di bawah Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan Langkawi akan menggiatkan semula aktiviti pelancongan di wilayah utara. Tumpuan akan diberi kepada penubuhan pasukan renjer taman, penaiktarafan muzium dan pantai serta penambahbaikan sistem pengangkutan. Aktiviti promosi yang intensif juga sedang dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan pelancong yang lebih ramai bagi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan *homestay* serta acara antarabangsa seperti Formula 1 PETRONAS Malaysia Grand Prix, Festival Kasut Antarabangsa, Sarawak Rainforest Festival dan Festival Seni Kontemporari. Program MM2H telah berjaya menarik lebih daripada 18,800 orang sejak penubuhannya pada tahun 2002 dan popular dalam kalangan peserta dari Jepun, China dan Bangladesh. Pada tahun 2012, sejumlah kira-kira 25 juta pelancong dijangka melawat Malaysia menghasilkan pendapatan tukaran asing berjumlah RM62 bilion.



Peruntukan yang besar berjumlah RM1.9 bilion atau 3.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012 disediakan untuk memoden dan mengkomersilkan *subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar*. Penekanan akan diberikan kepada meningkatkan produktiviti; menjana pulangan yang lebih tinggi dan membangunkan sumber pertumbuhan dan pelaburan baharu. Sektor pertanian yang menyeluruh dan mantap akan dapat mengurangkan kesan kelembapan luaran dengan mengukuhkan daya tahan ekonomi domestik. Melalui pelancaran Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020, beberapa langkah akan diambil bagi memastikan bekalan makanan mencukupi; meningkatkan produktiviti dalam industri agro-makanan; mengukuhkan rantaian bekalan makanan serta menyediakan pekerja mahir yang diperlukan dalam subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Projek utama bagi membantu pembangunan secara mapan dalam subsektor ini termasuk inisiatif Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Utara Terengganu; projek pengairan dan saliran, terutama di Sabah dan Sarawak serta perluasan skop ladang kontrak dan pertanian komersial. Perkhidmatan sokongan pertanian akan dipertingkatkan untuk memastikan keselamatan projek dan program yang dilaksanakan.

Projek lain termasuk NKEA bagi pertanian, kelapa sawit dan getah dengan peruntukan sejumlah RM1 bilion atau 53.9% daripada jumlah perbelanjaan subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Dalam usaha mempercepat penanaman semula dan penanaman baharu kelapa sawit, Kerajaan menyediakan insentif secara *one-off* kepada pekebun kecil persendirian sebanyak RM7,500 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak, tertakluk kepada syarat keluasan pemilikan. Pekebun kecil persendirian yang layak turut disediakan elaun bulanan sebanyak RM500 selama 24 bulan untuk membantu golongan ini yang bergantung kepada kelapa sawit sebagai sumber pendapatan. Bagi meningkatkan pengeluaran domestik bahan terbitan oleo bernilai tinggi, geran sehingga 40% daripada kos keseluruhan projek disediakan kepada pengusaha tempatan untuk pra-pengkomersilan dan perolehan teknologi berkaitan.

Produktiviti penanaman padi akan diperkukuh menggunakan kaedah penanaman secara estet yang berjaya diamalkan di kawasan Muda, Kedah yang kini sedang diguna pakai di kawasan jelapang dan bukan jelapang lain dengan Batang Lupar, Sarawak dirancang sebagai projek rintis. Untuk tujuan ini, infrastruktur pengairan dan saliran akan di naik taraf sementara benih padi berhasil tinggi akan diperkembangkan melalui aktiviti R&D. Sementara itu, pengeluaran enam jenis buah-buahan bernilai tinggi dan tidak bermusim (tembikai susu, belimbing, betik, nangka, pisang dan nenas) dan tiga jenis sayur-sayuran tanah tinggi yang bernilai tinggi (*lettuce*, tomato dan *capsicum*) turut dipertingkat melalui penaiktarafan keupayaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sedia ada. Selain itu, tanaman selingan seperti pisang dan nenas di ladang kelapa sawit turut digalakkan untuk meningkatkan pendapatan peladang.

Perbelanjaan **sektor perkhidmatan sosial** dijangka berjumlah RM13.6 bilion atau 27.4% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan (2011: RM12.6 bilion; 27.2%). Daripada jumlah ini, bahagian terbesar berjumlah RM8.6 bilion (2011: RM7.7 bilion) akan dibelanjakan untuk *pendidikan dan latihan*, menggambarkan kepentingan pelaburan dalam pembangunan modal insan ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi, berasaskan pengetahuan dan dipacu inovasi. Pembelajaran sepanjang hayat juga digalakkan secara aktif bagi meningkatkan keupayaan dan peluang pekerjaan. Peruntukan juga disediakan bagi projek menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan, R&D, peningkatan kualiti program latihan serta menaiktaraf dan menyelenggara peralatan di universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran, latihan perguruan dan kolej komuniti. Projek utama yang sedang dijalankan termasuk penaiktarafan dan pembesaran Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Program latihan kemahiran di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, pusat latihan perindustrian dan kolej komuniti akan sentiasa dikemaskini bagi memenuhi permintaan industri. Politeknik dalam pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran



termasuk politeknik di Balik Pulau, Mersing, Jeli dan Banting. Sementara itu, 25 ADTEC dan institut latihan perindustrian yang telah siap akan disediakan peralatan dan kelengkapan. Bagi memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, sistem persekolahan akan diperkukuhkan dengan peruntukan yang besar diberikan kepada pendidikan prasekolah (RM172 juta), rendah (RM650 juta) dan menengah (RM2.2 bilion).

Sementara peruntukan terus disediakan bagi projek fizikal, penekanan turut diberikan kepada menambahbaik kualiti pendidikan. Program termasuk peruntukan untuk penyelidikan di IPTA (RM916 juta); biasiswa kepada lebih daripada 66,100 guru di bawah Program Pensiswazahan Guru bertujuan menambah jumlah guru berijazah di sekolah; dan biasiswa kepada 7,400 ahli akademik untuk melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam dan luar negeri.

Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada rakyat. Peruntukan bagi *subsektor kesihatan* merupakan yang kedua terbesar pada RM1.9 bilion atau 3.9% daripada perbelanjaan pembangunan (2011: RM2.2 bilion; 4.8%). Peruntukan ini disediakan bagi membina, menaiktaraf dan menyelenggara hospital dan klinik kesihatan; membeli peralatan perubatan dan kesihatan; meningkatkan sistem teknologi dan maklumat hospital serta latihan kemahiran. Projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran hospital di Kota Kinabalu, Seremban, Tampin, Kangar, Cheras, Bera, Rompin dan Tampoi. Akses kepada perkhidmatan kesihatan luar bandar akan terus diperkukuh melalui penambahbaikan kemudahan kesihatan dan pergigian di seluruh negara.

Subsektor perumahan diperuntukan sebanyak RM738 juta bagi membina rumah mampu milik untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah serta kuarters bagi kakitangan awam termasuk anggota beruniform. Sejumlah 25,678 unit rumah bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa dan 443 unit rumah PPR Dimiliki sedang dibina sementara 6,343 unit rumah daripada projek terbengkalai sedang dipulihkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menawarkan sebanyak 57,344 unit rumah PPR Disewa untuk sewaan dan sebanyak 3,062 unit rumah PPR Dimiliki untuk dijual. Memandangkan rumah yang disediakan adalah mampu dimiliki, sebanyak 93% daripada rumah PPR Disewa telah dihuni dan 97% daripada rumah PPR Dimiliki telah dijual. Pelaksanaan PPR dan pemulihan projek terbengkalai akan terus diberikan keutamaan berikutan harga rumah yang berpatutan dan sambutan baik dari golongan berpendapatan rendah. Selain itu, dana disediakan bagi penyelenggaraan dan pembaharuan bertujuan memastikan persekitaran kehidupan yang sihat dan kondusif di projek perumahan kos rendah awam dan swasta. Pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan pertengahan akan dipermudahkan melalui Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bagi membina rumah berkualiti dan mampu dimiliki. Pada peringkat awal, tanah milik Kerajaan di sekitar Sungai Besi dan Sungai Buloh akan dibangunkan.

Selain subsektor kesihatan, pendidikan dan perumahan, peruntukan juga disediakan untuk menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) (RM1 bilion) serta *pembangunan masyarakat dan desa* (RM646 juta). Peruntukan disediakan termasuk bagi membiayai perkhidmatan bomba dan penyelamat; projek kecil dan pengkomputeran di PBT; membina taman dan kemudahan rekreasi dan membasmi kemiskinan bandar. Kesejahteraan hidup golongan miskin luar bandar dipertingkatkan dengan peruntukan disediakan untuk skim pemulihan kampung dan program yang mengalakkan pendidikan, latihan kemahiran serta menjana aktiviti ekonomi. Program pembasmian kemiskinan akan ditambahbaik dan lebih ditumpukan kepada golongan sasar bagi memastikan manfaat pembangunan dan pertumbuhan diagihkan secara saksama. Program bagi meningkatkan masyarakat petani luar bandar akan difokuskan kepada peningkatan sendiri dan memupuk keusahawanan. Program menjana pendapatan bagi menambahbaik kehidupan golongan miskin tegar luar bandar akan diteruskan melalui 11 projek Agropolitan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar di Perak (Ganda), Sabah (Gana dan Pulau Banggi), Sarawak (Batang Sadong, Batang Lupar, Pulau Bruit, Nanga



Sekau dan Gunung Sadok), Pahang (Gahai dan Chemomoi) dan Kedah (Sik). Projek di bawah skim agropolitan termasuk penanaman tanaman komoditi dan kontan serta akuakultur (RM110 juta). Selain itu, projek di bawah program 1Azam turut menggalakkan pembangunan kemahiran, perniagaan kecil-kecilan dan keusahawanan dalam kalangan golongan miskin (RM40 juta). Golongan nelayan pula diberi bantuan termasuk bot, motor dan pukat.

Subsektor perkhidmatan kebajikan, perpaduan negara dan Orang Asli diperuntukkan sejumlah RM359 juta. Sejumlah RM231 juta akan dibelanjakan bagi memperbaiki perkhidmatan kebajikan golongan miskin, tua dan mudah terjejas, sementara sejumlah RM114 juta disediakan bagi membolehkan Orang Asli mendapat akses lebih baik kepada kemudahan sosial dan awam serta melibatkan diri dalam aktiviti menjana pendapatan. *Subsektor kebudayaan, belia dan sukan* disediakan peruntukan sebanyak RM321 juta bagi program dan projek di bawah Dasar Industri Kreatif Negara, Muzium Negara, Balai Seni Visual Negara dan Arkib Negara. Peruntukan juga disediakan bagi latihan kemahiran, program kepimpinan dan keusahawanan kepada golongan belia serta menaiktaraf kemudahan belia, sukan dan rekreasi.

Perbelanjaan bagi **sektor keselamatan** dijangka berjumlah RM4.4 bilion atau 8.8% (2011: RM4.6 bilion; 9.8%) daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.6 bilion untuk *subsektor pertahanan*, sementara RM832 juta untuk *keselamatan dalam negeri*. Peruntukan disediakan terutama bagi membina dan memperbaharu kemudahan, membeli dan menaiktaraf kelengkapan, menambahbaik pengawasan dan penguatkuasaan serta membina keupayaan dan kesiapsiagaan anggota beruniform melalui latihan dan peningkatan kemahiran. Peruntukan yang besar terus disediakan untuk Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pertahanan Awam dan Jabatan Penjara bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Sejumlah RM112 juta akan dibelanjakan bagi membanteras jenayah jalanan di bawah inisiatif NKRA. Kehadiran pihak polis akan dipertingkatkan sementara lebih banyak kamera litar tertutup

(CCTV) akan dipasang di kawasan sering berlaku jenayah. Selain itu, pelbagai program rehabilitasi termasuk latihan kemahiran akan diperkukuhkan bagi membantu golongan banduan menyesuaikan diri kepada kehidupan luar selepas dibebaskan.

Sektor pentadbiran am disediakan sejumlah RM1.4 bilion atau 2.9% daripada perbelanjaan pembangunan (2011: RM1.1 bilion; 2.3%) sejajar dengan inisiatif untuk menambahbaik produktiviti dan kualiti sistem penyampaian sektor awam. Keutamaan diberikan kepada meningkatkan sistem pengkomputeran di jabatan Kerajaan serta membangun dan memperluaskan aplikasi e-Kerajaan. Penggunaan teknologi akan dipertingkatkan bagi memperbaiki penyampaian dan akses perkhidmatan Kerajaan oleh rakyat dan perniagaan. Dijangkakan sebanyak 90% daripada keseluruhan perkhidmatan Kerajaan akan dibuat secara atas talian menjelang tahun 2015. Peruntukan turut disediakan bagi pengambilan balik tanah, bangunan dan kelengkapan serta pengubahsuaian, pemulihan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan seperti kuarters, mahkamah kehakiman dan institut latihan. Sementara itu, budaya penyelenggaraan dalam sektor awam akan dipertingkatkan bagi menggalakkan penggunaan aset secara berhemah. Kemahiran dan kompetensi perkhidmatan awam akan terus dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan persekitaran pengurusan yang dinamik. Keupayaan institusi untuk menerajui pembaharuan dalam perkhidmatan awam akan juga dipertingkatkan. Melangkaui pemikiran '*business as usual*', perkhidmatan awam akan mengamalkan prinsip cepat, tepat dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab.

Pembiayaan

Pembiayaan daripada sumber domestik

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan pada tahun 2012 disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik hutang dan keperluan pembiayaan defisit yang lebih rendah. Kedua-dua faktor ini dijangka mengimbangi peningkatan kecil jumlah penebusan Sekuriti



Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Kadar tabungan yang tinggi, lebihan akaun semasa, imbalan pembayaran yang besar, serta kadar inflasi yang rendah dan stabil, dapat menyediakan mudah tunai dalam pasaran kewangan yang mencukupi bagi membolehkan Kerajaan meminjam daripada sumber domestik tanpa menjejaskan peluang sektor swasta mendapatkan pembiayaan. Dengan kutipan hasil dijangka melebihi perbelanjaan mengurus, pinjaman yang dilakukan hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, selaras dengan peraturan utama yang dipatuhi sepanjang masa oleh Kerajaan. Pinjaman kasar Kerajaan bagi tahun 2012 dijangka mencecah RM96.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM96.2 bilion atau 99.6% adalah pinjaman domestik, manakala RM402 juta daripada sumber luar negeri. Sejumlah RM53.8 bilion daripada pinjaman kasar akan digunakan untuk membayar balik hutang sedia ada dan baki RM42.8 bilion untuk membiayai defisit.

Pada tahun 2012, RM54.2 bilion akan diperolehi melalui terbitan SKM, manakala baki RM42 bilion melalui TPK. SKM kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar merangkumi 56.4% daripada jumlah pinjaman kasar domestik walaupun terbitan TPK semakin meningkat bagi memenuhi permintaan terhadap produk patuh syariah yang berkualiti tinggi. TPK hanya merangkumi sejumlah 27.5% daripada keseluruhan jumlah pinjaman domestik kasar Kerajaan dalam tahun 2008 (2011: 38.6%). Kepelbagaian struktur pemilikan terbitan hutang Kerajaan mencerminkan keyakinan pasaran dan dijangka menggalakkan pasaran sekunder TPK yang lebih aktif. Semua terbitan SKM dan TPK dijangka dilakukan melalui tender terbuka untuk memanfaatkan kadar faedah yang rendah serta mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan.

Daripada keseluruhan penerbitan SKM tersebut, sejumlah RM21 bilion akan diperolehi melalui enam terbitan baharu, RM31 bilion melalui penerbitan semula tujuh SKM dan selebihnya RM2.2 bilion melalui satu *switch auction* SKM sedia ada. *Switch auction* ini telah dilakukan bagi mengurangkan timbunan penebusan yang mempunyai

implikasi ke atas pengurusan aliran tunai Kerajaan. Bagi memenuhi permintaan industri ke atas hutang berdaulat jangka panjang yang berkualiti, tiga terbitan baharu dan empat terbitan semula SKM dengan tempoh matang 10, 15 dan 20 tahun telah dilaksanakan. Kadar kupon terbitan baharu SKM dengan tempoh matang 10 hingga 20 tahun adalah antara 3.42% hingga 4.13% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2012.

TPK yang dijangka diterbitkan pada tahun 2012 merangkumi tujuh terbitan baharu (RM26.5 bilion) dan penerbitan semula empat TPK (RM15.5

JADUAL 4.5

**Pembiayaan Kerajaan Persekutuan
2011 – 2012**

	RM juta		Bahagian (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Pinjaman kasar	99,781	96,646	100.0	100.0
Dalam negeri	93,312	96,244	93.5	99.6
Terbitan Pelaburan	36,000	42,000	36.1	43.5
Sekuriti Kerajaan	57,312	54,244	57.4	56.1
Luar negeri	6,469	402	6.5	0.4
Pinjaman pasaran	5,961	-	6.0	-
Pinjaman projek	508	402	0.5	0.4
Bayaran balik	54,162	53,815	100.0	100.0
Dalam negeri	48,244	52,900	89.1	98.3
Luar negeri	5,918	915	10.9	1.7
Pinjaman bersih	45,619	42,831		
Dalam negeri	45,069	43,344		
Luar negeri	550	-513		
Perubahan aset²	-3,110	-534		
Jumlah	42,509	42,297		

¹ Anggaran.

² (-) bererti pertambahan harta.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



bilion). Walaupun terdapat permintaan yang lebih tinggi terhadap TPK dengan tempoh matang lebih pendek, empat terbitan dengan tempoh matang 10 dan 15 tahun dijangka diterbitkan pada tahun 2012. Langkah ini sebahagiannya adalah untuk memenuhi permintaan yang khusus terhadap terbitan bertempoh matang lebih panjang dan membangunkan lagi pasaran modal Islam.

Pada akhir Jun 2012, pemegang utama SKM dan TPK ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP (31.1%), pelabur asing (27.3%), institusi perbankan (17.6%) dan institusi bukan perbankan (14%). Pemegang asing SKM dan TPK meningkat daripada 11.4% pada akhir Disember 2008 kepada 27.3% pada akhir Jun 2012 berikutan pelabur jangka panjang mencari instrumen hutang yang selamat dan berkualiti tinggi yang menawarkan pulangan lebih tinggi dalam persekitaran tidak menentu dan lebih mudah tunai dalam pasaran kewangan global. Kehadiran pelabur asing dalam pasaran modal juga menunjukkan keyakinan pelabur terhadap asas makrofiskal dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Jumlah pinjaman luar negeri kasar dijangka berkurang dengan ketara pada tahun 2012

berikutan tiada pinjaman luar baharu yang dijangkakan. Bayaran balik pinjaman sedia ada pada umumnya melebihi pengeluaran sumber pinjaman kecuali pada tahun 2010 dan 2011 apabila Malaysia mendapatkan pinjaman di pasaran antarabangsa melalui penerbitan *sukuk* global sebagai penanda aras. Sejumlah RM402 juta dijangka dikeluarkan daripada sumber pinjaman dua hala (RM385 juta) dan sumber pelbagai hala (RM17 juta) bagi membiayai projek dan program berkaitan pendidikan tinggi; penyelidikan dan latihan dan penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor yang sedang dilaksanakan.

Hutang

Hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus

Kerajaan komited dalam memastikan paras hutang kekal mapan melalui pelaksanaan dasar makrofiskal yang baik, kepatuhan kepada peraturan fiskal dan strategi pengurusan hutang yang berhemat. Pada akhir Jun 2012, hutang luar negeri menurun kepada 28.8% daripada KDNK (akhir 2011: 29.2%), manakala jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada 53.7% daripada KDNK pada tahun 2012 (2011: 51.8%).

JADUAL 4.6

Hutang Kerajaan Persekutuan 2011 – 2012

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Hutang dalam negeri	438,025	484,769	96.0	96.5	49.7	51.8
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	0.9	0.9	0.5	0.5
Terbitan Pelaburan ²	116,992	145,899	25.6	29.0	13.3	15.6
Sekuriti Kerajaan	277,713	292,150	60.9	58.2	31.5	31.2
Tabung Pinjaman Perumahan	39,000	42,400	8.6	8.4	4.4	4.5
Hutang luar negeri	18,103	17,590	4.0	3.5	2.1	1.9
Pinjaman pasaran	10,403	10,403	2.3	2.1	1.2	1.1
Pinjaman projek	7,700	7,187	1.7	1.4	0.9	0.8
Jumlah	456,128	502,359	100.0	100.0	51.8	53.7

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



Jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** dijangka meningkat 10.1% kepada RM502.4 bilion (2011: 12%; RM456.1 bilion) disebabkan oleh pinjaman domestik yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Hutang domestik kekal sebagai komponen terbesar meliputi RM484.8 bilion atau 96.5% daripada jumlah hutang (2011: RM438 bilion; 96%). Sebaliknya, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dijangka menurun sebanyak 2.8% kepada RM17.6 bilion (2011: +8.1%; RM18.1 bilion) disebabkan ketiadaan terbitan antarabangsa yang baharu kecuali pengeluaran daripada pinjaman projek sedia ada. Hutang luar Kerajaan Persekutuan yang sebahagian besarnya dalam mata wang USD dan yen, kekal rendah dan terurus pada 3.5% daripada jumlah hutang atau 1.9% daripada KDNK (2011: 4%; 2.1% daripada KDNK).

Walaupun paras hutang telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kapasiti khidmat hutang kekal dalam kemampuan kewangan Kerajaan. Nisbah bayaran khidmat hutang kepada hasil kekal terurus pada 9.9% daripada jumlah hasil (2011: 9.6%). Bagi memastikan kemapanan fiskal dan kestabilan makroekonomi, Kerajaan akan memastikan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55%

daripada KDNK sementara bayaran khidmat hutang dihadkan di bawah paras 15% daripada jumlah hasil.

Hutang luar negeri atau hutang negara merangkumi hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kerajaan (PABK) dan sektor swasta. Pada akhir Jun 2012, jumlah hutang luar negeri adalah lebih tinggi pada RM269.5 bilion (akhir 2011: RM257.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh pinjaman bersih bagi hutang jangka pendek serta hutang jangka sederhana dan panjang. Pengukuhan nilai beberapa mata wang utama dan serantau berbanding ringgit dalam enam bulan pertama juga menyumbang kepada peningkatan paras hutang. Kebanyakan hutang luar negeri adalah dalam mata wang USD (68.9%), yen (7.1%) dan euro (3.7%).

Hutang jangka sederhana dan panjang yang merangkumi 59.1% daripada hutang luar negeri meningkat kepada RM159.3 bilion pada akhir Jun 2012 (akhir 2011: 59.6%; RM153.5 bilion). Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh pinjaman bersih sektor swasta terutamanya oleh syarikat kewangan dan insurans serta sektor pembuatan. Pinjaman bersih ini sebahagian besarnya untuk tujuan pelaburan. Sementara itu,

JADUAL 4.7

Hutang Luar Negeri 2011 – 2012

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	153,509	159,286	59.6	59.1	17.4	17.0
Sektor awam	87,750	87,312	34.1	32.4	10.0	9.3
Kerajaan Persekutuan	18,103	17,907	7.0	6.6	2.1	1.9
PABK	69,647	69,405	27.1	25.8	7.9	7.4
Dijamin	11,975	11,589	4.7	4.3	1.4	1.2
Tidak dijamin	57,672	57,816	22.4	21.5	6.5	6.2
Sektor swasta	65,759	71,975	25.6	26.7	7.5	7.7
Hutang jangka pendek	103,853	110,219	40.4	40.9	11.8	11.8
Jumlah	257,362	269,506	100.0	100.0	29.2	28.8

¹ Akhir Jun 2012.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



hutang sektor awam mencatat penurunan kecil kepada RM87.3 bilion (akhir 2011: RM87.8 bilion) disebabkan bayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh PABK dan Kerajaan Persekutuan. PABK yang mencatatkan bayaran balik bersih pada tahun 2012 adalah terutamanya daripada sektor perlombongan dan kuari; kewangan dan insurans; serta subsektor utiliti. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan menurun kepada RM17.9 bilion (akhir 2011: RM18.1 bilion) disebabkan ketiadaan terbitan antarabangsa yang baharu. Sektor swasta merangkumi 45.2% daripada jumlah hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang, sementara PABK sebanyak 43.6% dan Kerajaan Persekutuan sebanyak 11.2%.

Hutang jangka pendek yang mencakupi 40.9% daripada hutang luar negeri, mencatat peningkatan ketara kepada RM110.2 bilion (akhir 2011: RM103.9 bilion) disebabkan oleh pertambahan pinjaman antara bank dan kerugian penilaian semula kadar pertukaran mata wang yang melebihi bayaran balik dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, hutang sektor swasta bukan perbankan kekal stabil pada RM11 bilion, disebabkan oleh keuntungan penilaian semula lebih daripada mengimbangi pengeluaran bersih pinjaman luar negeri. Dengan bayaran balik bersih melebihi pengeluaran pinjaman, hutang PABK terus menurun dan kekal rendah pada RM234 juta (akhir 2011: RM391 juta). Sektor perbankan kekal sebagai pemegang terbesar hutang luar negeri jangka pendek sebanyak RM98.9 bilion (89.8%) diikuti sektor swasta bukan perbankan, RM11 bilion (10%) dan PABK. Pada akhir Jun 2012, nisbah khidmat hutang luar negeri adalah pada 10.5%, menunjukkan kemapanan pendapatan eksport untuk menampung tanggungan khidmat hutang luar, sementara rizab antarabangsa yang berjumlah RM428.8 bilion (USD134.2 bilion) adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kerajaan Negeri

Defisit kecil

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatat lebihan akaun semasa yang lebih rendah pada RM5.9 bilion (2011: RM10.4 bilion) disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi serta penurunan ketara dalam kutipan hasil. Buat kali pertama sejak 2003, kedudukan kewangan negeri disatukan akan mencatatkan defisit kecil sebanyak RM1.4 bilion atau 0.2% daripada KDNK pada tahun 2012 (2011: +RM4.3 bilion; 0.5% daripada KDNK), berikutan lonjakan dalam perbelanjaan pembangunan dengan jangkaan peningkatan yang lebih besar. Defisit keseluruhan akan dibiayai sebahagian besarnya oleh geran dan pinjaman Kerajaan Persekutuan serta penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2011 – 2012

	RM juta		Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Akaun Semasa				
Hasil	20,339	16,630	12.8	-18.2
Perbelanjaan mengurus	9,917	10,703	11.2	7.9
Baki akaun semasa	10,422	5,927		
Akaun Pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	6,571	7,797	-6.3	18.7
Kumpulan wang pembangunan	6,464	7,523		
Kumpulan wang bekalan air	107	274		
Tolak: Terimaan balik pinjaman	433	428		
Perbelanjaan pembangunan bersih	6,138	7,369	-5.2	20.1
Baki keseluruhan	4,284	-1,442		
% daripada KDNK	0.5	-0.2		

¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



Jumlah hasil negeri terdiri daripada cukai langsung dan tidak langsung (21.3%), hasil bukan cukai (49.2%) serta terimaan bukan hasil (29.5%) yang terutamanya terdiri daripada geran dan imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan serta kejatuhan harga minyak sawit dan getah, jumlah hasil dijangka menguncup dengan ketara sebanyak 18.2% kepada RM16.6 bilion (2011: +12.8%; RM20.3 bilion). Kejatuhan hasil juga disebabkan oleh penurunan dalam kutipan cukai tidak langsung serta terimaan yang lebih rendah daripada komponen utama hasil bukan cukai seperti royalti daripada petroleum dan perhutanan; pendapatan pelaburan; dan premium tanah serta fi lesen dan permit yang menyumbang sebanyak 49.7% daripada jumlah hasil negeri. Sebaliknya, cukai langsung dijangka berkembang sebanyak 12.4% kepada RM2 bilion dirangsang terutamanya oleh terimaan daripada cukai tanah dan cukai lain yang berasaskan tanah berjumlah RM1.9 bilion (2011: 7.5%; RM1.8 bilion; RM1.7 bilion). Sumber hasil lain termasuk kutipan daripada hasil hutan, sewa lombong serta cukai parit dan tali air. Sementara itu, terimaan daripada penyediaan barangan dan perkhidmatan, termasuk sewa serta denda dan penalti dijangka mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 7.6% kepada RM172 juta. Geran dan imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan yang terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur dan sosial serta membina

dan menaiktaraf kemudahan awam dianggarkan berjumlah RM3.9 bilion.

Kerajaan negeri dijangka menanggung perbelanjaan yang lebih tinggi pada RM18.5 bilion sejajar dengan usaha bersepadu untuk memacu pertumbuhan ekonomi, merangsang aktiviti pelaburan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 7.9% kepada RM10.7 bilion, manakala perbelanjaan pembangunan, 18.7% kepada RM7.8 bilion. Emolumen serta bekalan dan perkhidmatan kekal sebagai komponen terbesar perbelanjaan mengurus pada 57.7%, manakala bakinya adalah untuk perolehan aset dan pindahan kepada pihak berkuasa tempatan, badan berkanun serta kumpulan wang amanah yang lain. Perbelanjaan pembangunan akan digunakan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar; pengairan dan saliran; utiliti; kemudahan awam serta menaiktaraf infrastruktur fizikal untuk merencanakan aktiviti perniagaan dan perindustrian di peringkat negeri.

Sektor Kerajaan

Defisit lebih besar

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Akaun semasa						
Hasil	218,291	237,344	235,322	17.6	8.7	-0.9
Perbelanjaan mengurus	199,699	222,161	221,276	19.1	11.2	-0.4
Baki akaun semasa	18,592	15,183	14,047			
Perbelanjaan pembangunan	51,775	55,123	54,483	-4.2	6.5	-1.2
Baki keseluruhan	-33,182	-39,940	-40,437	-7.8	20.4	1.2
% daripada KDNK	-3.8	-4.3	-4.0			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2013.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.



berkanun dijangka merekodkan defisit lebih tinggi 4.3% daripada KDNK pada tahun 2012 (2011: -3.8%). Kedudukan ini disebabkan pertambahan komitmen perbelanjaan keseluruhan yang lebih tinggi berbanding peningkatan hasil. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM15.1 bilion dan RM5.8 bilion (2011: RM13.8 bilion; RM5.5 bilion) kepada badan berkanun dan kerajaan negeri dalam bentuk geran dan pindahan di bawah perbelanjaan mengurus.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Pelaburan strategik

Hasil PABK disatukan dijangka kembali meningkat dan mencatatkan pertumbuhan besar sebanyak 11.1% kepada RM389.6 bilion pada tahun 2012 (2011:-4.7%; RM350.8 bilion) walaupun harga minyak kelapa sawit dan getah menurun, pertumbuhan ekonomi domestik yang sederhana dan persekitaran ekonomi luar yang tidak menentu. Peningkatan kutipan hasil adalah disebabkan kesan asas yang rendah pada tahun 2011 disebabkan terutamanya oleh perubahan tahun kewangan PETRONAS dari 1 April hingga 31 Mac kepada Januari-Disember bermula pada tahun 2012. Oleh itu, jumlah bagi tahun 2011 iaitu tahun perubahan adalah menggambarkan kedudukan kewangan bagi tempoh sembilan bulan sahaja daripada April hingga Disember 2011. Pertumbuhan hasil PABK pada tahun 2012 dijangka meningkat disebabkan oleh jualan kenderaan dan elektrik yang stabil; harga arang batu yang kian sederhana; pulangan daripada pelaburan dan operasi di luar negara yang terus kukuh; bilangan penumpang pengangkutan udara dan kereta api yang bertambah baik; keuntungan daripada pembangunan harta tanah dan pengembangan kukuh dalam bidang telekomunikasi. Sumbangan positif kepada hasil juga dijangka diperolehi daripada perniagaan sokongan termasuk harta tanah dan aktiviti berkaitan perniagaan PABK. Penyumbang utama kepada hasil PABK disatukan termasuklah PETRONAS, TNB, Axiata Group

Berhad (Axiata), Malaysia Airlines System Berhad (MAS), UEM Group Berhad (UEM) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).

Pengembangan besar dalam aktiviti perniagaan dan komersial dalam dan luar negeri dijangka mempengaruhi kos operasi PABK. Perbelanjaan semasa PABK disatukan dijangka mencatatkan peningkatan 12.7% kepada RM334.1 bilion (2011: -2.0%; RM296.6 bilion) berikutan kos bahan mentah dan bahan api yang lebih tinggi, peningkatan kos kakitangan, sewaan, pemasaran, utiliti, fi pengguna, kos pembaikan dan penyelenggaraan serta penambahbaikan berterusan dari segi produk dan penyampaian perkhidmatan.

Walaupun kos operasi meningkat, PABK dijangka dapat mengimbangnya melalui peningkatan produktiviti daripada langkah pemotongan kos secara berterusan untuk meningkatkan kecekapan operasi. Jangkaan penjimatan kos adalah melalui strategi perolehan yang lebih baik, pengurusan inventori yang efektif, rasionalisasi laluan dan penghasilan nilai daripada aset yang tidak digunakan atau mencatatkan kerugian. Dengan kadar perbelanjaan semasa meningkat lebih

JADUAL 4.10

Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹ 2011 – 2012

	RM juta		Perubahan (%)	
	2011	2012 ²	2011	2012 ²
Hasil	350,800	389,599	-4.7	11.1
Perbelanjaan semasa	296,583	334,122	-2.0	12.7
Lebihan semasa	54,216	55,478		
Perbelanjaan pembangunan	50,068	113,464	1.5	126.6
Baki keseluruhan	4,149	-57,986		
% daripada KDNK	0.5	-6.2		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.

² Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



tinggi berbanding dengan pertambahan hasil, PABK dijangka mencatatkan peningkatan lebih semasa yang kecil kepada RM55.5 bilion (2011: RM54.2 bilion).

PABK dijangka kekal berdaya saing diperkukuhkan sebahagiannya oleh kemajuan ketara hasil daripada program transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi dan geopolitik yang mencabar serta pertumbuhan ekonomi global yang sederhana. Perbelanjaan pembangunan keseluruhan PABK juga dijangka kembali mencatatkan pertumbuhan tinggi kepada RM113.5 bilion (2011: RM50.1 bilion) dengan PABK bersaing untuk memaksimumkan peluang pelaburan, mengembangkan pasaran dan meningkatkan nilai pemegang saham serta potensi pertumbuhan jangka panjang. Sebahagian besar pelaburan dalam dan luar negeri oleh PABK adalah untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan serta produk dan perkhidmatan; meningkatkan keupayaan dan melaksanakan pelaburan baharu untuk mengekalkan pendapatan masa depan. PABK telah membina asas yang kukuh dalam pasaran ekonomi membangun yang berkembang pesat di bidang minyak dan gas, telekomunikasi, perladangan, penjana kuasa, pembinaan dan harta tanah.

Pelaburan domestik dijangka mencatat peningkatan ketara 87.4% kepada RM64.6 bilion meliputi 63.8% kepada jumlah pelaburan (2011: -4%; RM34.5 bilion; 61.4%). Sebahagian besar pelaburan domestik adalah dalam bidang minyak dan gas; penjana, penghantaran dan pengagihan tenaga; pembangunan harta tanah dan pembinaan; perladangan; telekomunikasi; serta infrastruktur, kemudahan dan peralatan bagi pengangkutan jalan, udara dan rel bandar. Projek utama termasuk meneroka dan membangun medan minyak dan gas baharu; mencergaskan semula medan minyak *marginal*, terminal pengegasan semula gas asli cecair (LNG) di Melaka, meluaskan liputan rangkaian HSBB dan meningkatkan capaian kepada internet melalui *hotspot wireless fidelity* (Wi-Fi). Beberapa PABK telah melaksanakan pelan perubahan dan penjenamaan

semula untuk mencergaskan kembali pertumbuhan dan prospek hasil, sementara beberapa PABK lain membuat pelaburan yang besar dalam projek seperti pembinaan stesen jana kuasa dan terminal baharu untuk penerbangan murah (klia2); pemodenan pesawat udara, penaiktarafan infrastruktur data telekomunikasi, penyambungan LRT Kelana Jaya–Ampang ke Putra Heights serta perolehan gerabak, kelengkapan dan peralatan ganti untuk menambah baik perkhidmatan rel di kawasan bandar dan luar bandar.

Pada masa ini, PABK terlibat dalam projek yang mempunyai impak yang ketara kepada pertumbuhan ekonomi serta merubah landskap fizikal, kewangan dan digital di Malaysia pada masa akan datang. Projek yang terlibat termasuk pembinaan landasan MRT daripada Sungai Buloh ke Kajang (SBK); pembangunan pusat kewangan Tun *Razak Exchange* (TRX) di Kuala Lumpur, pembangunan bercampur di Bandar Malaysia, Sungai Besi dan pembangunan harta tanah di Iskandar Malaysia. Selain itu, usaha lain untuk membangunkan ekosistem digital yang komprehensif di Malaysia akan terus diperkuatkan melalui penggunaan teknologi digital yang akan menggalakkan lagi aktiviti perniagaan dan sosial.

Berikutan peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan semasa dan pembangunan, kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatatkan defisit tertinggi setakat ini pada 6.2% daripada KDNK (2011: +0.5% daripada KDNK) walaupun hasil dijangka meningkat tinggi. PABK akan terus melaksanakan pelaburan strategik yang memerlukan tempoh matang yang panjang; perbelanjaan modal yang besar; dan berkemungkinan kurang berdaya maju dari segi komersial tetapi penting untuk pembangunan bidang pertumbuhan khusus dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta yang lebih besar dan terus membangunkan pasaran modal yang mendalam dan cair, Kerajaan akan terus mengurangkan kepentingannya dalam aset PABK bukan teras dan tidak kompetitif.



Sektor Awam Disatukan

Lebihan semasa lebih rendah

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan terdiri daripada akaun sektor kerajaan dan PABK selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih. Pada tahun 2012, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat lebihan semasa yang lebih kecil, berkurangan sebanyak 3%, kepada RM70.6 bilion (2011: -12.6%; RM72.7 bilion). Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan dalam lebihan semasa PABK berikutan peningkatan kos operasi yang dijangka memberi kesan kepada hasil. Dengan mengambil kira peningkatan ketara dalam pelaburan PABK, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat defisit keseluruhan yang lebih tinggi pada RM98 bilion atau 10.5% daripada KDNK (2011: -RM29.1 bilion; -3.3%). Peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan modal PABK berbanding tahun 2011 disebabkan sebahagiannya oleh perubahan dalam tahun fiskal PETRONAS bermula tahun 2012.

Prospek 2013

Defisit lebih rendah

Ketika prospek ekonomi di negara maju pada tahun 2013 kekal sederhana, negara membangun yang berkembang pesat dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh antara 4.5% dan 5.5% pada tahun 2013, disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam aktiviti pelaburan dan penggunaan domestik serta sektor luaran yang bertambah baik. Aktiviti sektor swasta akan disokong oleh pertumbuhan yang menyeluruh merentas semua sektor; pelaksanaan pantas program dan projek sektor awam, akses berterusan kepada kemudahan kredit, persekitaran pasaran buruh yang menggalakkan serta perdagangan serantau yang stabil.

Pelaksanaan dasar fiskal akan terus mencabar memandangkan sumber fiskal perlu memenuhi pelbagai keperluan dan matlamat yang bersaing. Cabaran ini termasuk keperluan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan bagi mengimbangi

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2011 – 2013

	RM juta			Perubahan (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Hasil	161,543	186,796	180,412	27.0	15.6	-3.4
Perbelanjaan mengurus	197,174	221,580	220,636	18.0	12.4	-0.4
Lehihan semasa PABK	108,369	105,344	128,674	-12.0	-2.8	22.1
Baki semasa sektor awam	72,738	70,559	88,450			
Perbelanjaan pembangunan	101,801	168,522	154,839	-1.2	65.5	-8.1
Sektor kerajaan	51,733	55,058	54,326	-3.6	6.4	-1.3
PABK	50,068	113,464	100,513	1.5	126.6	-11.4
Baki keseluruhan	-29,063	-97,962	-66,389			
% daripada KDNK	-3.3	-10.5	-6.6			

¹ Anggaran disemak.² Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2013.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



sebarang kelembapan permintaan luaran dan menyediakan pembiayaan untuk melaksanakan perubahan struktur dalam ekonomi bagi mencapai pertumbuhan yang berkualiti dan inklusif di samping memastikan kewangan awam kekal kukuh. Menyedari bahawa kemapanan fiskal adalah penting bagi pertumbuhan ekonomi yang stabil, sasaran fiskal jangka sederhana ke atas hutang dan defisit perlu dicapai menjelang tahun 2015 seperti yang telah diumumkan dalam RMKe-10. Berikutan prospek prestasi hasil yang mantap sejajar dengan aktiviti ekonomi yang berdaya tahan, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan peningkatan kecil kepada RM208.7 bilion, sebahagiannya berikutan kesan asas yang tinggi pada tahun 2012. Jumlah perbelanjaan, bagaimanapun, dijangka menguncup 1.1% kepada RM249.7 bilion berikutan langkah untuk mengawal perbelanjaan tidak kritikal dan menghasilkan defisit fiskal yang lebih rendah pada 4% daripada KDNK pada tahun 2013.

Bajet 2013 akan memberi tumpuan kepada langkah untuk mempercepatkan transformasi ke arah negara maju. Usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk meningkatkan potensi pengeluaran ekonomi, daya saing dan produktiviti buruh. Inisiatif pembaharuan yang digariskan dalam RMKe-10, NKRA, NKEA dan SRI akan dilaksanakan mengikut jadual dan dipantau secara rapi. Sumber fiskal akan digunakan untuk mencergaskan semula aktiviti perniagaan dan menarik pelaburan, dengan PKS diberi tumpuan khusus memandangkan mereka merupakan tulang belakang ekonomi. Isu berkaitan dengan hak harta intelek (IPR), pendaftaran paten dan akses kepada pembiayaan akan ditangani, manakala modal teroka akan disediakan kepada usahawan muda dalam bidang baharu. Kecemerlangan dalam pendidikan akan diusahakan bagi melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing, mempunyai pelbagai kemahiran dan tangkas untuk memenuhi keperluan dinamik pasaran. Untuk membolehkan rakyat bandar dan luar bandar mempunyai akses kepada pelbagai perkhidmatan awam dan swasta yang berkualiti, skop dan bilangan pusat transformasi masyarakat akan dipertingkatkan. Sektor pertanian akan dicergaskan semula sementara keselamatan makanan dan rantaian

bekalan diperkukuhkan. Tanah terbiar akan terus dibangunkan bagi menggalakkan industri asas tani bernilai tambah tinggi. Kerajaan akan terus melindungi kesejahteraan rakyat sementara penyampaian perkhidmatan sektor awam akan dioptimumkan supaya lebih responsif di dalam ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta. Untuk merealisasikan inisiatif ini, Bajet 2013 akan memperuntukkan jumlah dana yang besar untuk projek di bawah RP, NKEA (RM3.3 bilion) dan SRI (RM154 juta). Sementara itu, Program Transformasi Kerajaan (GTP) akan memasuki fasa kedua meliputi tahun 2013 hingga 2015 dengan NKRA diperuntukkan RM5 bilion pada tahun 2013. Sejumlah RM2.5 bilion akan disediakan untuk melaksanakan projek strategik yang mempunyai kesan pengganda besar di bawah inisiatif PPP.

Perbelanjaan mengurus dijangka menurun sedikit kepada RM201.9 bilion berikutan usaha bersepadu untuk berhemat dalam perbelanjaan. Jumlah ini termasuk peruntukan sebanyak RM1.6 bilion untuk inisiatif pembaharuan di bawah NKRA (RM1.3 bilion), NKEA (RM235 juta) dan SRI (RM24 juta). Bidang tumpuan utama termasuk pendidikan; pertanian komersial; pencegahan jenayah; pelancongan; penyelidikan; serta aktiviti penjana pendapatan bagi isi rumah berpendapatan rendah dan peniaga kecil. Pembiayaan juga disediakan untuk menampung kerja persediaan ke arah pelaksanaan perakuan akruan menjelang tahun 2015. Sejumlah RM58.6 bilion disediakan bagi perbelanjaan **emolumen**. Sementara itu, peruntukan bagi perbelanjaan tanggungan dan kenaaan tetap seperti **bayaran khidmat hutang** (RM22.2 bilion) serta **pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri** (RM6.3 bilion) dijangka meningkat disebabkan oleh komitmen yang semakin tinggi. Peruntukan bagi bayaran **pencen dan ganjaran** (RM13.6 bilion) akan diperuntukkan sejumlah yang lebih rendah berikutan penganjuran pilihan umur persaraan penjawat awam dari 58 tahun ke 60 tahun.

Perbelanjaan **bekalan dan perkhidmatan** serta **perolehan aset** diperuntukkan sejumlah RM33.7 bilion dan RM1 bilion, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan memastikan aset



awam diselenggara dengan baik dan digunakan sepenuhnya. Bayaran **subsidi** yang merangkumi pelbagai subsidi (RM26.4 bilion), insentif (RM874 juta) dan program bantuan sosial (RM10.4 bilion) akan berkurangan kepada RM37.6 bilion. Walaupun peruntukan subsidi bahan api adalah lebih rendah (RM20 bilion), ia dijangka tidak akan menjejaskan kesejahteraan rakyat khususnya golongan mudah terjejas. Harga produk petroleum bertapis dijangka menurun, ekoran permintaan global yang lebih lemah dan lebihan bekalan. Subsidi bahan api adalah 9.9% daripada perbelanjaan operasi dan merupakan komponen terbesar dalam subsidi. **Geran kepada badan berkanun** akan dikurangkan kepada RM14 bilion selaras dengan langkah Kerajaan untuk menggalakkan organisasi yang kejut.

Perbelanjaan pembangunan akan diperuntukan sejumlah RM47.8 bilion atau 19.1% daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2013. Peruntukan ini termasuk untuk pelaksanaan projek di bawah RP, NKRA (RM3.6 bilion), NKEA (RM3 bilion) dan SRI (RM130 juta). Inisiatif pembaharuan akan dipercepatkan, dengan peruntukan besar untuk program NKRA mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (RM3.2 bilion) dan pengangkutan awam bandar (RM233 juta). Peruntukan untuk NKEA antara lain akan bertumpu kepada *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (Greater KL/KV) (RM742 juta), pelancongan (RM792 juta), pertanian (RM722 juta) dan minyak kelapa sawit (RM696 juta). Program utama di bawah SRI adalah berkaitan dengan pengukuhan kewangan awam (RM94 juta) dan meningkatkan pembangunan modal insan (RM18 juta).

Sektor perkhidmatan ekonomi disediakan peruntukan terbesar berjumlah RM30 bilion atau 62.9% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan pada tahun 2013. Fokus akan diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan penambahbaikan pengangkutan awam memandangkan kedua-duanya menyumbang kepada kecekapan dan keupayaan produktif ekonomi. Ke arah ini, sejumlah RM9.4 bilion diperuntukan bagi *subsektor pengangkutan* termasuk RM4.2 bilion untuk menambahbaik akses dan rangkaian pengangkutan awam bandar.

Peruntukan yang besar juga disediakan bagi pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan dan jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti serta infrastruktur luar bandar. Projek utama pengangkutan yang sedang dalam pelaksanaan termasuk Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabor ke Kuala Terengganu dan Jalan Persekutuan *Central Spine* (Pakej 3). Projek baharu yang dirancang dilaksana pada tahun 2013 termasuk menaiktaraf jalan di antara Donggongan ke Simpang Jalan Papar Spur, Sabah (Pakej 1), Pekan–Nenasi–Endau Pahang dan Batu Maung ke Jambatan Kedua Pulau Pinang (Lebuhraya Bayan Lepas), Pulau Pinang serta menaiktaraf infrastruktur rel di Lembah Klang (Fasa 1). Lebuhraya pesisir Pantai Barat dari Taiping ke Banting juga dijangka mula dilaksanakan pada tahun 2013.

Ekonomi domestik akan terus diperkukuh memandangkan ianya berdepan dengan persekitaran luaran yang semakin tidak menentu. *Subsektor perdagangan dan industri* disediakan peruntukan berjumlah RM7.6 bilion terutama bagi menaiktaraf kemudahan infrastruktur di kawasan industri; membiayai pelaburan strategik; meningkatkan kemahiran dan membangunkan usahawan serta menggalakkan program pembangunan vendor bagi sektor automotif. PKS akan terus diberikan keutamaan memandangkan kepentingan dalam ekonomi negara. Akses kepada pembiayaan, teknologi serta khidmat teknikal dan nasihat akan dipertingkatkan bagi menjadikan PKS lebih berdaya saing dan maju dalam rantai nilai. Kelebihan bandingan negara dalam industri halal dimanfaatkan dengan sejumlah RM20 juta disediakan bagi memperkukuhkan penembusan produk halal negara dalam pasaran global. Dana juga akan disalurkan kepada perbadanan kemajuan ekonomi negeri bagi pelaksanaan pelbagai program pembangunan.

Pembangunan koridor pertumbuhan akan dipercepatkan dengan peruntukan sejumlah RM1.3 bilion disediakan bagi projek khas dan pembangunan infrastruktur yang menyeluruh. Berikutan kepelbagaian projek yang dilaksanakan, kelima-lima koridor pembangunan akan



menjana peluang pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan, menggalakkan pembangunan kemahiran dan memupuk pembangunan industri tempatan. *Subsektor pelancongan* akan diberikan galakan dengan peruntukan sebanyak RM458 juta untuk membangun produk baharu dan khusus bagi menarik pelancong yang bijak menilai; menaiktaraf kemudahan berkaitan pelancongan; serta meningkatkan pemasaran yang lebih disasarkan. Usaha bersepadu akan dibuat untuk mempergiatkan aktiviti penggalakkan bagi menarik pelancong dari negara bukan tradisi sempena Tahun Melawat Malaysia 2013/2014 (RM125 juta). Ekopelancongan dan program *homestay* akan terus diperkukuh (RM19 juta) sementara sejumlah RM100 juta akan disediakan untuk membangun semula Langkawi sebagai destinasi pelancong. Terimaan daripada 26 juta orang pelancong pada tahun 2013 dijangka berjumlah RM64 bilion.

Subsektor tenaga dan kemudahan awam serta subsektor perhubungan diperuntukan sejumlah RM4 bilion bagi projek bekalan air dan elektrik serta perkhidmatan pembentungan seluruh negara. Pelaksanaan HSBB dalam kawasan bandar dan kawasan pertumbuhan ekonomi yang diberi keutamaan akan dipercepatkan bagi menambahbaik produktiviti dan kecekapan perniagaan.

Usaha merancakkan semula *subsektor pertanian* serta mempercepatkan pembangunan tanah luar bandar dan wilayah kekal sebagai keutamaan dengan peruntukan berjumlah RM3.3 bilion. Fokus subsektor ini adalah kepada menambahbaik kecekapan dan produktiviti melalui penggunaan teknologi perladangan moden dan amalan diiktiraf, pengkomersialan hasil R&D serta penggalakkan aktiviti bernilai tambah tinggi. Peruntukan besar disediakan bagi membangun dan memodenkan lagi penanaman padi; industri penternakan termasuk ayam dan itik serta haiwan tenusu; perikanan dan akuakultur; serta penanaman buah, sayuran dan herba. Perkhidmatan lanjutan pertanian dan program latihan kemahiran akan dipertingkatkan lagi bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan petani (RM17 juta). Peruntukan

juga disediakan bagi menambahbaik kehidupan golongan miskin luar bandar, menambahbaik kemudahan dan infrastruktur asas di ladang, menaiktaraf pengairan dan saliran, melaksanakan projek tebatan banjir serta menggalakkan pertanian komersial. Sejumlah RM152 juta turut disediakan bagi menggalakkan industri pelancongan agro, termasuk membina keupayaan dan kemampuan dalam kalangan masyarakat petani bagi melibatkan diri sepenuhnya dan mendapatkan manfaat daripada industri yang sedang berkembang. Peruntukan berjumlah RM758 juta disediakan bagi aktiviti R&D yang merentas sektor termasuk sektor industri, sains sosial, kesihatan, IT dan bioteknologi.

Sektor **perkhidmatan sosial** diperuntukkan sejumlah RM11.1 bilion dengan *subsektor pendidikan dan latihan* menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM6.5 bilion bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap tenaga kerja yang berkebolehan, berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3 bilion diperuntukkan bagi mempertingkatkan lagi pengajian tinggi melalui penaiktarafan dan pembesaran beberapa IPTA; penggalakkan aktiviti penyelidikan dan penambahbaikan kualiti tenaga pengajar. Peruntukan turut disediakan bagi pendidikan prasekolah (RM27 juta), rendah dan menengah (RM1.2 bilion) sementara RM1.5 bilion disediakan bagi program latihan kemahiran dan pengurusan di pusat latihan perguruan, politeknik, institut latihan industri dan kolej komuniti. Pendidikan prasekolah terutama di kawasan luar bandar akan diperluas dan diperkukuh bagi memupuk asas pendidikan yang teguh. Sementara itu, lapan projek baharu sekolah rendah dan menengah akan dilaksanakan, manakala 160 projek masih dalam pembinaan. Peruntukan besar disediakan bagi penyelenggaraan dan pembaikan sekolah seluruh negara terutama sekolah di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu dibayar oleh rakyat akan terus dipertingkatkan. Untuk tujuan ini, *subsektor kesihatan* disediakan peruntukan kedua terbesar



sebanyak RM1.9 bilion bagi membina dan menaiktaraf hospital dan klinik serta membeli peralatan perubatan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM680 juta akan digunakan bagi menaiktaraf kemudahan perubatan dan kesihatan di 82 hospital, termasuk di Taiping, Perak dan Tuaran, Sabah. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM616 juta adalah bagi membina hospital dan klinik di kawasan bandar dan luar bandar.

Penyampaian perkhidmatan serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan di peringkat PBT akan terus ditambahbaik melalui peruntukan sebanyak RM894 juta. Peruntukan disediakan terutama bagi pengurusan sisa pepejal (RM213 juta), projek kecil PBT (RM311 juta), perkhidmatan bomba dan penyelamat (RM240 juta), kemudahan rekreasi (RM54 juta) dan landskap (RM3 juta). *Pembangunan masyarakat dan desa* akan disediakan peruntukan yang besar sebanyak RM436 juta bagi meningkatkan kesejahteraan hidup golongan miskin luar bandar. Program yang dilaksana termasuk pelbagai perkhidmatan kebajikan dan akitiviti menjana pendapatan bagi golongan miskin dan mudah terjejas. Peruntukan turut disediakan bagi membina dan membaiki rumah usang, menyediakan latihan kemahiran dan menaiktaraf infrastruktur asas. Sejumlah RM191 juta disediakan bagi membantu seramai 190,000 Orang Asli terutama di Pahang dan Perak untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi arus perdana.

Kerajaan akan terus menyediakan perumahan awam berkualiti dan mampu milik kepada rakyat (RM642 juta). Sejumlah RM289 juta disediakan bagi membina, menyelenggara dan membaik pulih PPR Dimiliki, PPR Disewa dan PPR Bersepadu serta perumahan awam di selatan Johor. Selain itu, sebanyak RM153 juta akan digunakan bagi menyelenggara projek perumahan awam dan swasta. Akses kepada rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana juga dipermudahkan melalui program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang disediakan peruntukan sebanyak RM200 juta.

Keselamatan negara dan awam adalah prasyarat kepada kehidupan berkualiti dan persekitaran perniagaan yang kondusif. Untuk tujuan ini, **sektor keselamatan** akan disediakan peruntukan berjumlah RM4.6 bilion. Daripada jumlah ini, sejumlah RM3.9 bilion disediakan untuk *subsektor pertahanan* dan RM644 juta untuk *keselamatan dalam negeri*. Peruntukan akan digunakan bagi meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan anggota beruniform melalui pembelian dan penaiktarafan kelengkapan serta peningkatan pengawasan dan kemahiran. Keutamaan akan diberikan kepada aktiviti pencegahan jenayah dengan kehadiran polis dipertingkatkan di kawasan perumahan dan komersial. Perkara lain yang menjadi kebimbangan ialah peningkatan kemalangan jalan raya dan kemalangan maut. Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang diperkenalkan lewat tahun 2012 untuk mengesan kesalahan lalu lintas akan diperluaskan dengan pemasangan kamera tetap dan mudah alih di 830 kawasan kerap berlaku kemalangan di sepanjang lebuh raya, jalan negeri dan persekutuan di seluruh negara (RM800 juta). AES yang digunakan secara meluas di negara Sweden, Perancis, United Kingdom dan China telah terbukti berkesan mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya dan kemalangan maut.

Pentadbiran am akan diperuntukkan sejumlah RM2 bilion bagi pelaksanaan pelbagai penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam, penggalakan penggunaan IT dalam perkhidmatan awam serta pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan seluruh negara. Peruntukan turut disediakan bagi pengkomputeran jabatan Kerajaan, projek bantuan teknikal dan pengambilan balik tanah. Program dan inisiatif berkaitan penaiktarafan dan peningkatan perkhidmatan e-Kerajaan termasuk portal rasmi Kerajaan (myGovernment); pembayaran elektronik (myBayar); Gerbang SMS Kerajaan (mySMS 15888); *single window job recruitment* (JobsMalaysia); pusat tunggal akses kepada perkhidmatan online Kerajaan (myGovXchange); dan portal berita Kerajaan (myGovinfo). Perkhidmatan ukur dan pemetaan akan dipertingkatkan dengan peruntukan sebanyak RM19 juta.



Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM208.7 bilion disokong oleh hasil cukai yang lebih tinggi (RM159.2 bilion) sejajar dengan pertumbuhan ekonomi domestik yang berterusan dan persekitaran luaran yang lebih baik. Semua komponen hasil cukai yang terdiri daripada **cukai langsung** (RM122 bilion) dan **cukai tidak langsung** (RM37.2 bilion) dijangka mencatatkan pertumbuhan positif, dirangsang oleh pendapatan korporat yang teguh, akses berterusan kepada pembiayaan, keadaan pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan yang stabil serta keuntungan daripada perdagangan serantau. Terimaan dari PITA, bagaimanapun dijangka menurun sebanyak 4.6% kepada RM30.5 bilion dengan unjuran harga minyak mentah Tapis yang lebih rendah walaupun pengeluaran yang lebih tinggi dan permintaan yang stabil dari negara lain seperti China, India, Korea, Singapura, Australia dan Thailand. **Hasil bukan cukai** dijangka mengalami penurunan sebanyak 9.6% kepada RM49.5 bilion disebabkan terutamanya oleh pulangan yang lebih rendah daripada pelaburan serta hasil kutipan yang menurun daripada royalti petroleum dan MTJA. Pendapatan dividen daripada PETRONAS (RM27 bilion), BNM (RM2 bilion) dan Khazanah (RM500 juta) serta terimaan daripada pengewangan aset (RM500

juta), bagaimanapun, dijangka kekal kukuh. Selain itu, hasil daripada Wilayah Persekutuan dijangka menggalakkan pada RM593 juta selaras dengan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang berdaya tahan.

Kerajaan terus komited untuk mengukuhkan kewangan awam di samping menyokong pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pembaharuan. Sasaran jangka sederhana fiskal yang dicerminkan dalam RMKe-10 serta peraturan perbelanjaan dan pengurusan hutang akan dipatuhi untuk menggalakkan kemapanan fiskal, kestabilan makroekonomi dan meningkatkan keyakinan pasaran. Kerajaan sedar bahawa kedudukan fiskal yang kukuh akan mewujudkan ruang dasar yang mencukupi untuk menerima pakai dasar yang akan meningkatkan daya saing, kapasiti produktif dan prospek pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Pada masa yang sama, usaha akan terus dilaksanakan untuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan hasil, mengukuhkan penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan. Tadbir urus yang baik, pengurusan kewangan berhemat dan pelaksanaan dasar yang pragmatik akan memastikan kewangan awam yang teguh.